

**HIPOTESIS TENTANG KEMUNCULAN AWALAN *menge-* DALAM  
BAHASA MELAYU STANDARD**  
(*Hypothesis on the Appearance of the Prefix *menge-* in the Standard Malay*)

*Manavavee Mamah*

Yala Rajabhat University (YRU), Thailand.

*Dr. Sato Hirobumi @ Rahmat*

Universti Yala Rajabhat (YRU), Thailand & Universiti Malaya (UM), Malaysia.

**ABSTRAK**

Fenomena pertembungan dua bunyi yang terdapat antara awalan *me(N)-* atau *pe(N)-* dengan bunyi awal kata dasar telah kami selidiki dari segi fonetik akustik berkomputer dalam suatu kajian kami yang dahulu. Kajian ini membuktikan secara saintifik bahawa bentuk *meng-* dan *peng-* yang ditetapkan oleh sesetengah pengkaji dari aliran TG sebagai morfem dasar bagi awalan yang berkenaan tidak dapat menghasilkan bentuk alomorfnya seperti yang digunakan secara umum dalam bahasa Melayu standard. Maksudnya, variasi dua awalan tersebut sebaiknya dianalisis sekali lagi berdasarkan kaedah eklektik yang menggabungkan satu idea “pilihan yang sedia ada” dengan satu lagi idea “asimilasi bunyi”. Dengan kaedah ini dapat dikemukakan satu hasil analisis dari segi fonetik fisiologis dan juga fonetik akustik berkomputer, iaitu (i) pertembungan dua konsonan nasal dihindari di sempadan dua morfem, (ii) konsonan letupan tak-bersuara digugurkan di awal kata dasar, (iii) konsonan letusan tak bersuara *c* (bunyi artikulasi gandaan) dikekalkan, (iv) hanya bentuk *meng-* dan *peng-* sahaja bertembung dengan vokal awal kata dasar, (v) konsonan *h* yang hadir di awal kata dasar mendekati sifat vokal, dan (vi) konsonan *l, r, w, y* yang hadir di awal kata dasar menjauhi sifat vokal. Namun, awalan *menge-* yang agak baharu dalam sejarah bahasa Melayu standard tidak dapat diperjelas dengan kaedah yang sama. Dalam kajian kali ini kami hipotesiskan bahawa awalan *menge-* dicipta, melalui kesalahfahaman, dari awalan *nge- < nge(N)-* yang terdapat dalam bahasa Sunda atau bahasa Jawa.

**Kata kunci:** asimilasi bunyi, pertembungan dua morfem, pilihan yang sedia ada, sifat vokal.

**PENDAHULUAN**

Pengkaji dan pelajar bahasa Melayu di Jepun sudah biasa menggunakan idea “pilihan yang sedia ada” untuk memilih bentuk variasi awalan *me(N)-* dan *pe(N)-* seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1 sejak 100 tahun yang lalu, manakala pengkaji dan pelajar Malaysia yang terlatih dengan teori aliran TG (transformatif-generatif) mengaplikasikan teori asimilasi bunyi kepada kelahiran bentuk alomorf bagi awalan yang berkenaan, berdasarkan satu idea bahawa morfem awalan *meng-*

{mən-} dan *peng-* {pən-} menerbitkan alomorf masing-masing mengikut lingkungan fonologi. Namun, kaedah aliran TG yang tersebut telah kami buktikan tidak dapat menghasilkan alomorf-alomorf yang diharapkan, dari segi fonetik akustik berkomputer (*computer-aided acoustical phonetics*). Ditambah lagi, bentuk awalan *menge-* dan *penge-* yang tidak mempunyai bentuk alomorfnya tidak dapat diterangkan berdasarkan sistem pilihan dalam Jadual 1 dan juga kaedah ala aliran TG.

Dalam kajian kali ini seboleh-bolehnya kami elakkan pengulangan kritikan saintifik terhadap kesalahfahaman kaedah ala aliran TG yang masih kuat digunakan di Malaysia sekarang. Kami memfokuskan kelahiran bentuk awalan *menge-* dan *penge-* yang muncul pada awal abad ke-20, menurut catatan kamus dan dokumen bercetak.


### MASALAH KAJIAN

Serentetan soalan pengimbuhan *me(N)-* dan *pe(N)-* yang benar-benar asas tetapi barangkali tidak pernah terjawab oleh pengkaji bahasa Melayu terbentang di depan kami. Kaedah pengimbuhan awalan yang berkenaan disenaraikan dalam Jadual 1 yang didasarkan pada idea “sistem pilihan yang sedia ada”. Kaedah kajian fonologi yang didasarkan pada teori aliran TG pula memilih bentuk *meng-* {mən-} dan *peng-* {pən-} sebagai morfem dasar awalan ini, dan merumuskan proses penerbitan alomorfnya dari segi “asimilasi bunyi”. Namun, sebahagian besar rumus fonologi ini terbukti tidak berasas dari segi fizik, iaitu analisis fonetik akustik berkomputer.


**Jadual 1** Variasi awalan *me(N)-* dan *pe(N)-*


Awalan <i>me(N)-</i> dan <i>pe(N)-</i>					
	<b>me- pe-</b>	<b>mem- pem-</b>	<b>men- pen-</b>	<b>meng- peng-</b>	<b>meny- penyi-</b>
<b>Kata dasar bermula dengan</b>	m-	(p)-	(t)-	(k)-	(s)-
	n-	b-	d-	g-	(sy)-
	ng-		c-	h-	
	ny-		j-	kh-	
	l-			a-	
	r-		s-	e- <é, è>	
	w-		z-	e- <ë>	
	y-		sy-	i-	
				o-	
				u-	

Nota: (1) Bunyi awal kata dasar dieja dengan grafem Rumi/Latin.  
(2) Grafem dalam tanda kurung ( ) dianggap lenyap atau digugurkan apabila digabungkan dengan awalan.  
(3) Kekecualian yang menyimpang dari peraturan ini juga wujud.



Rajah 1 Pembahagian organ artikulasi





Rajah 2 Jadual vokal IPA

THE INTERNATIONAL PHONETIC ALPHABET (revised to 2015)

CONSONANTS (PULMONIC) © 2015 IPA

	Bilabial	Labiodental	Dental	Alveolar	Postalveolar	Retroflex	Palatal	Velar	Uvular	Pharyngeal	Glottal
Plosive	p b			t d		ʈ ɖ	c ɟ	k g	q ɢ		ʔ
Nasal	m	ɱ		n		ɳ	ɲ	ŋ	ɴ		
Trill				r					ʀ		
Tap or Flap		ⱱ		ɾ							
Fricative	ɸ β	f v	θ ð	s z	ʃ ʒ	ʂ ʐ	ç ʝ	x ɣ	χ ʁ	ħ ʕ	h ɦ
Lateral fricative				ɬ ɮ							
Approximant		ʋ		ɹ		ɻ	j	ɰ			
Lateral approximant				l		ɭ	ʎ	ʟ			

Rajah 3 Jadual utama konsonan IPA (2015)

Catatan:

(i) Konsonan gusi lelangit-keras (*alveolo-palatal*) [tʃ/ɟʃ] tidak disenaraikan lagi pada jadual utama konsonan sejak IPA 1979. Kedua-dua bunyi ini kini dianggap sebagai variasi bunyi belakang-gusi (*postalveolar*) [tʃ̠/ɟʃ̠].

(ii) Konsonan letusan (*affricates*) yang diartikulasikan secara gandaan (*double articulation*) seperti bunyi [tʃ̠/dʒ̠], [tʃ̠ʲ/dʒ̠ʲ], dan [ts/dz] diberi status lambang pelengkap, dan bunyi ini tidak pernah disenaraikan pada jadual utama konsonan sejak IPA dicipta pada abad ke-19. Bunyi ini sudah lama disalahertikan oleh sesetengah pengkaji bahasa Melayu sebagai konsonan letupan (*plosives*). Menurut peraturan IPA, hanya konsonan tunggal sahaja dapat disenaraikan pada jadual utama konsonan.

(iii) Bunyi hampiran (*approximant*) [w] dan [j] pernah dinamakan bunyi sepruh vokal (*semi-vowels*) hingga IPA 1979. Bunyi hampiran [w] kini dianggap sebagai bunyi artikulasi gandaan (*double articulation*) dan tidak disenaraikan pada jadual utama konsonan ini. Nilai bunyi hampiran [j] yang dieja dengan grafem moden y dalam bahasa Melayu sering disalahertikan oleh pengkaji bahasa Melayu, dan lambang vokal kardinal sekunder [y] disalahgunakan dalam kajian mereka: Betul *goyang* [gojaN], dan salah *goyang* \*[goyaN].

(iv) Sesetengah pengkaji bahasa Melayu, terutama yang mengkaji fonetik dan fonologi tidak menyalurkan informasi yang tepat kepada mahasiswa. Hal ini akan mendatangkan kesalahfahaman yang lebih besar kepada generasi baharu yang akan datang ratusan atau ribuan tahun kemudian. Baik pengkaji bahasa Melayu menyedari sejarah yang akan berkembang dalam dunia ilmu.

## PERBINCANGAN

Kaedah “pilihan yang sedia ada” yang digunakan dalam Jadual 1 mempunyai masalah akademik yang tidak boleh dibiarkan sahaja. Persoalan ini sebenarnya dapat diselesaikan kalau ketiga-tiga bentuk *me-*, *meN-*, atau *me(N)-* yang terdapat dalam buku teks dibandingkan dengan tenang hati.:

**Jadual 2** Bentuk wakil dan variasi awalan

Bentuk wakil <i>me-</i> : variasi <i>me-</i> , <del><i>meN-</i></del> , <del><i>me(N)-</i></del> , <del><i>meng-</i></del> , <del><i>meny-</i></del>
Bentuk wakil <i>meN-</i> : variasi <del><i>me-</i></del> , <i>mem-</i> , <i>men-</i> , <i>meng-</i> , <i>meny-</i>
Bentuk wakil <i>me(N)-</i> : variasi <i>me-</i> , <i>mem-</i> , <i>men-</i> , <i>meng-</i> , <i>meny-</i>

Tanda pangkah (X) yang dibubuhkan dalam jadual menunjukkan ketidakwujudan bentuk alomorf masing-masing. Dengan ini dapat dikatakan bentuk *me(N)-* paling sesuai digunakan dalam pembelajaran awalan ini. Begitu juga dengan awalan *pe(N)-*: *pe-*, *pem-*, *pen-*, *peng-*, dan *peny-*. Namun, bentuk morfem asas *meng-* dan *peng-* yang digunakan oleh sesetengah ahli dari aliran TG tidak menyetujui kaedah “pilihan yang sedia ada” (Jadual 1) dari sudut asimili bunyi sengau dengan bunyi awal kata dasar.

Awalan *menge-* dan *penge-* pula mengandungi masalah sejak zaman dahulu. Ada pihak yang menganggapnya sebagai terbitan alomorf dalam Jadual 1, dan ada juga pihak yang mengatakan bahawa awalan-awalan yang berkenaan patut digolongkan sebagai kekecualian sahaja.

Kertas kerja ini memperkenalkan dua masalah bentuk morfem, iaitu (i) kombinasi *me(N)-* : *pe(N)-* atau kombinasi *meng-* : *peng-*, dan (ii) kelahiran *menge-* : *penge-*.

## ANALISIS (I): Awalan *me(N)-* bertembung dengan konsonan awal kata dasar

Apabila awalan *me(N)-* dan *pe(N)-* bertembung dengan konsonan awal kata dasar, bunyi sengau (*N*) yang bersifat abstrak ini berubah (berasimilasi) menjadi “kosong, *m-*, *n-*, *ng-* atau *ny-*” seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1. Masalahnya ialah (i) mengapa konsonan tak bersuara yang hadir di awal kata dasar digugurkan? dan (ii) mengapa konsonan letusan tak bersuara *c* (bunyi artikulasi gandaan) dikekalkan? Untuk makluman pembaca, bunyi *ny-* yang diertikan sebagai bunyi lelangit-keras //) sebenarnya diartikulasikan di belakang gusi atau di depan lelangit-keras secara gandaan sahaja, iaitu *ny* /nʝ-/ (bunyi artikulasi gandaan).

Proses pertembungan yang tersebut telah kami hipotesiskan berdasarkan pandangan fonetik fisiologis dan fonetik akustik berkomputer. Hasil kajian ini

akan diterbitkan dalam sebuah jurnal bahasa. Kesimpulan ini kami senaraikan di bawah sahaja.


Sebaliknya kaedah ala TG yang memaksakan asimilasi bunyi nasal *ng* /N/ dengan konsonan awal kata dasar sama sekali tidak berasas. Maksudnya, eksperimen fonetikakustik berkomputer telah membuktikan bahwa pertembungan bunyi *ng* /N/ dengan konsonan yang berkenaan tidak akan menghasilkan bunyi yang diharapkan seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1.



#### Rajah 4


#### Lakaran pertembungan dua gelombang bunyi

[1]	(a)	me(N)- + <b>masuk-i</b>	→ me- <b>masuk-i</b>	→ memasuki
	(b)	pe(N)- + <b>milik</b>	→ pe- <b>milik</b>	→ pemilik
[2]	(a)	me(N)- + <b>panah</b>	→ mem- <b>(p)anah</b>	→ memanah
	(b)	pe(N)- + <b>periksa</b>	→ pem- <b>(p)eriksa</b>	→ pemeriksa
[3]	(a)	me(N)- + <b>bayar</b>	→ mem- <b>bayar</b>	→ membayar
	(b)	pe(N)- + <b>bayar</b>	→ pem- <b>bayar</b>	→ pembayar
[4]	(a)	me(N)- + <b>cinta-i</b>	→ men- <b>cintai</b>	→ mencintai
	(b)	pe(N)- + <b>cinta</b>	→ pen- <b>cinta</b>	→ pencinta



#### Rajah 5

#### Pertembungan dua konsonan bersuara [mb]



**Rajah 6** Pertembungan dua konsonan [mp]

**ANALISIS (II): Awalan me(N)- bertembung dengan konsonan awal /l, r, w, j/**  
Apabila awalan me(N)- dan pe(N)- bertembung dengan bunyi awal kata dasar /l /l/, /r /r/, /w /w/ dan /j /j/, bunyi nasal N tidak muncul dalam bahasa Melayu moden. Keempat-empat konsonan ini sebenarnya mempunyai sifat vokal dari segi fonetik akustik berkomputer, tetapi hal ini sudah lama tidak disedari dalam kajian bahasa Melayu:

- |     |                        |               |              |
|-----|------------------------|---------------|--------------|
| [5] | (a) me(N)- + lebar-kan | → me-lebarkan | → melebarkan |
|     | (b) pe(N)- + layan     | → pe-layan    | → pelayan    |
| [6] | (a) me(N)- + rokok     | → me-rokok    | → merokok    |
|     | (b) pe(N)- + rasa      | → pe- rasa    | → perasa     |
| [7] | (a) me(N)- + wajib-kan | → me-wajibkan | → mewajibkan |
|     | (b) pe(N)- + warna     | → pe- warna   | → pewarna    |
| [8] | (a) me(N)- + yakin-i   | → me-yakini   | → meyakini   |

Seorang pengkaji bahasa Melayu yang aktif pada abad ke-19, Hollander (1882:55) mencatat satu fakta bahasa Melayu di Sumatera bahawa bentuk variasi *meng-* bertembung dengan kata dasar yang bermula dengan bunyi /l, bunyi /r, dan /y dalam sebuah dialek bahasa Melayu: kata *menglihat*, *mengwaris(-i/-kan)* dan *mengyatimkan*. Cuma kata dasar yang bermula dengan bunyi /r [r] tidak dicontohkan oleh beliau. Tiga contoh yang tersebut dapat dihuraikan:

- |      |                         |                       |                      |
|------|-------------------------|-----------------------|----------------------|
| [9]  | me(N)- + lihat          | → meng-lihat          | → melihat            |
| [10] | me(N)- + waris(-i/-kan) | → meng-waris(-i/-kan) | → mengwaris(-i/-kan) |
| [11] | me(N)- + yatim-kan      | → meng-yatimkan       | → mengyatimkan       |

Bentuk variasi *meng-* yang diperkenalkan pada [9] – [11] kini sudah tidak dianggap sebagai bentuk bahasa Melayu standard, tetapi contoh kata terbitannya yang seperti ternyata masih wujud dalam bahasa Melayu standard di rantau ini. Dalam *Kamus Bahasa Malaysia (edisi pelajar)*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1984), misalnya, terdapat kata *mengwahyukan* yang kini dieja sebagai *mewahyukan* dalam *Kamus Dewan (edisi keempat)*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (2015).

Ejaan kata terbitan seperti *penglibatan* (: melibatkan), *penglihatan* (: melihat), dan *penglipur* (: melipur) juga masih digunakan sebagai bentuk bahasa Melayu standard pada abad ke-21 ini. Kedua-dua bentuk variasi *meng-* dan *peng-* yang tersebut diajarkan oleh guru sebagai bentuk kekecualian yang menyimpang dari aturan bahasa Melayu standard.

Sebahagian Variasi Awalan *me(N)-* dan *pe(N)-*

	me- pe-		meng- peng-
Kata dasar bermula dengan	m-		a-
	n-		e- < é, è >
	ng-		e- < è >
	ny-		i-
	l-		o-
	r-		u-
	w-		h-
y-		kh-	

Contoh:  
 melihat --- penglihatan --- melihat  
 perebutan --- perebutan --- merebut  
 mewujudkan --- mewujudkan --- mewujudkan  
 meyatimkan --- meyatimkan

**Rajah 7**  
semu


Hipotesis: konsonan *l*, *r*, *w*, dan *y* menjauhi sifat vokal

Seandainya bentuk variasi *me-* atau *pe-* (kedua-duanya tidak disertai dengan bunyi nasal) yang bertembung dengan konsonan konsonan *l*, *r*, *w*, dan *y* ini dapat dianggap sebagai hasil perkembangan baharu bahasa Melayu, maka empat konsonan ini dapat dikatakan kini sudah menjauhi sifat vokal semu, seperti yang dilakarkan pada Rajah 7. Dengan serentakannya, hal ini menghipotesiskan bahawa sekumpulan bentuk variasi *meng-* atau *peng-* (kedua-duanya mengandungi bunyi nasal) sahaja masih dikekalkan di barisan yang sebaris dengan vokal yang mengawali kata dasar.


### ANALISIS (III): Awalan *me(N)-* bertembung dengan konsonan awal *h /h/*

Nilai bunyi grafem bahasa Melayu < h > sudah lama disalahertikan oleh pengkaji, iaitu konsonan geseran tak-bersuara *h* [h] sahaja. Bahasa Melayu sebenarnya mempunyai pasangannya yang bersuara, iaitu konsonan geseran bersuara *h* [ | ] yang dapat dipastikan dari segi akustik. Namun, alofon ini tidak berfungsi untuk membezakan makna kata dalam bahasa Melayu sahaja, iaitu fonem konsonan *h /h/*: alofon [h] ~ [ | ].





**Rajah 8** Konsonan geseran tak-bersuara *h* [h] dalam kata *menghabiskan* [məNhabiskan]



**Rajah 9** Konsonan geseran bersuara *h* [ɦ] dalam kata *menghujan* [məN ɦudZan]

Selain daripada dua alofon dari fonem /h/ yang tersebut, masih terdapat sebuah alofon. Bunyi ini merupakan vokal yang tidak bersuara yang menyalin vokal yang mengikutinya:

- |      |                                |                          |                |
|------|--------------------------------|--------------------------|----------------|
| [12] | (a) me(N)- + <b>habis</b> -kan | → meng- <b>h</b> abiskan | → menghabiskan |
|      | (b) pe(N)- + <b>hisap</b>      | → peng- <b>h</b> isap    | → penghisap    |
| [13] | (a) me(N)- + <b>hujan</b> -i   | → meng- <b>h</b> ujani   | → menghujani   |
|      | (b) pe(N)- + <b>huni</b>       | → peng- <b>h</b> uni     | → penghuni     |

Berdasarkan penilaian fonetik akustik terhadap bunyi *h* /h/: [h] ~ [ɦ] ~ [∞] (lambang vokal tak-bersuara) yang tersebut, satu hipotesis dapat dikemukakan


จัดโดยหลักสูตรครุศาสตรมหาบัณฑิต สาขาวิชาการสอนอิสลามศึกษาภายในวันที่ 09 ธันวาคม พ.ศ. 2562 ที่  
อาคาร 24 ห้องประชุมเขื่อน ตาน ฮวา ชั้น 03 มหาวิทยาลัยราชภัฏยะลา

(Organized by Master Program of Teaching Islamic Education on 09<sup>th</sup> December 2019, at Xian  
Thanhwa Meeting Room, Floor 03, Building 24, Faculty of Education, Yala Rajabhat University)

berhubung dengan kaedah pengimbuhan awalan *me(N)-* atau *pe(N)-* pada konsonan *h /h/*.

Dalam pada itu, Hollander (1882:54) memperkenalkan sebuah dialek bahasa Melayu (di Sumatera) yang menggunakan bentuk variasi *me-* (tanpa konsonan nasal) sahaja apabila awalan yang berkenaan bertembung dengan bunyi *h /h/* yang mengawali kata dasar pada abad ke-19: kata *mehimpun*.

Seandainya bentuk variasi *me-* atau *pe-* (tanpa bunyi nasal) bertembung dengan konsonan *h /h/* secara dominan dalam bahasa Melayu, hal ini secara terbalik akan menegakkan sebuah hipotesis bahawa bentuk variasi *meng-* atau *peng-* (bersama bunyi nasal) dilahirkan oleh sekumpulan konsonan *h /h/* yang kini mendekati sifat vokal semu.



**Rajah 10**

Hipotesis: konsonan *h /h/* mendekati sifat vokal semu

#### ANALISIS (IV): Awalan *menge-* dan *penge-* yang tidak terpecahkan

Terdapat awalan *menge-*, *penge-* dan apitan yang berkenaan yang tidak dapat diperjelas berdasarkan Jadual 1. Bentuk awalan ini sudah lama dikatakan bertembung secara langsung dengan kata dasar yang terdiri dari ekasuku kata sahaja.


Sebelum kita meneliti dua awalan tersebut, baiklah kita perhatikan perbezaan dua proses penerbitan kata yang berawalan *menge-* yang serupa ejaannya tetapi berlainan makna tatabahasanya:

- (i) *di-* + *bom* → *dibom*, *menge-* + *bom* → *mengebom*. (awalan *menge-*)  
 (ii) *di-* + *ke* + *bumi* + *-kan* → *dikebumikan*,  
*me(N)-* + *ke* + *bumi* + *-kan* → *meng-* + *(k)e* + *bumi* + *-kan*  
 → *mengebumikan* (awalan *me(N)-*)

Awalan *di-* dan *menge-* dalam pola (i) digunakan secara langsung kepada kata dasar *bom*. Sebaliknya, proses penerbitan kata pola (ii) mengenakan preposisi *ke* kepada KN *bumi* terlebih dahulu untuk membentuk Fprep *ke bumi*. Kemudian Fprep yang diberi fungsi kata dasar primer ini diberi akhiran *-kan* dan membentuk kata dasar sekunder *kebumikan* pada peringkat kedua. Maksudnya, apitan *ke/-kan* terlahir pada peringkat ini. Pada peringkat akhirnya awalan *me(N)-* yang diwujudkan dalam bentuk alomorf *meng-* /mən-/ bertembung dengan konsonan

lelangit-lembut tak-bersuara *k- /k-/* yang mengawali kata dasar sekunder itu, iaitu dalam bentuk *mengebomikan*.

Sebuah kata terbitan yang berapitan *penge-/an* pertama kali kami jumpai, iaitu kata *pengeboman* (< *penge-* + *bom* + *-an*) yang digunakan dalam buku teks pembelajaran bahasa Melayu, tahun 1944 『最新マライ語時文指針』 (*Saishin Malai-go Jibun Shishin*) yang diusahakan oleh Prof. Uehara Kunzo yang berkhidmat dengan Tentera Darat Diraja Jepun. Buku teks ini ternyata ditujukan kepada pengguna bahasa di Indonesia.



Rajah 11 『最新マライ語時文指針』 (1944:165)

Menurut sesetengah pengkaji, awalan *menge-*, *penge-* dan apitan yang berkenaan ini bertembung secara langsung dengan kata dasar yang berekasuku kata sahaja, seperti contoh (ii). Namun, dalam *Kamus Umum Bahasa Indonesia* (1952 & 1961, susunan Poerwadarminta) dan *Kamus Moderen Bahasa Indonesia* (sekitar 1955, susunan Sutan Mohammad Zain) yang diterbitkan pada zaman pergolakan masyarakat Indonesia selepas Perang Dunia Kedua, kata dasar yang berekasuku kata diwujudkan menurut sistem ala *me(N)-* dan *pe(N)-* secara dominan:

- bom > *membom*, *pembom*, *pemboman*,
- cap > *mencap*, *mencapkan*, *pencapan*,
- cat > *mencat*, *pencatan*,
- lap > *melap*,
- pos > *memposkan*, *pem*
- sah > *mensahkan*, *pensahan*

Maksudnya, awalan *menge-*, *penge-* dan apitan yang berkenaan masih berusia muda dalam sejarah bahasa Melayu, dibandingkan dengan awalan *me(N)-* dan *pe(N)-* yang biasa digunakan dalam bahasa standard. Perubahan bentuk imbuhan yang berkenaan nampak dengan jelas dalam kamus, mulai tahun 1970-an:

- bom > ***mengebom, pengebom, pengeboman,***
- cap > ***mengecap, mengecapkan, pengecapan,***
- cat > ***mengecat, pengecat, pengecatan,***
- lap > ***mengelap, mengelapkan, pengelap, pengelapan,***
- pos > ***mengepos, mengeposkan, pengeposan,***
- sah > ***mengesahkan, pengesah, pengesahan.***

Dalam pada itu, dua buah ayat iklan yang menarik telah kami jumpai di sebuah restoran di Bandung, Jawa Barat, Republik Indonesia (*lihat* Rajah 12). Kedua-dua ayat iklan ini mengandungi kata terbitan *ngopi* dan *ngerokok* yang sering digunakan dalam dialek atau dalam bentuk lisan bahasa Indonesia sehari-hari.

(a) Kata orang ...  
**ngopi sambil ngerokok itu nikmat ...**

(b) **Ngopi** saja di Bandung,  
**ngerokok** cuma bakar uang.

**Rajah 12** Kata terbitan *ngopi* & *ngerokok*

Proses penerbitan kata *ngopi* (< kopi) dapat dihuraikan menurut sistem Jadual 1, iaitu *me(N)-* + *kopi* → *meng-* + (*k*)*opi* → *mengopi* → *ngopi* bersama awalan *me(N)-*. Maksudnya, bahagian bunyi *me-* dalam awalan *meng-* ini digugurkan dalam gaya dialek atau bahasa Indonesia sehari-hari ini. Contoh lain yang sering digunakan dalam percakapan sehari-hari:

- (***me***)*mbatik* (< batik),
- (***me***)*nanyakan* (< tanya),
- (***me***)*nyate* (< sate) atau (***me***)*nyatekan* (< sate-kan).

Namun, kata *ngerokok* (< rokok) tidak dapat diperjelaskan dengan kaedah yang sama. Berhubung dengan bentuk awalan *nge-* ini, kamus *Maleisch Wordenboek* (1915), susunan Badings) memperkenalkan kata terbitan yang bermula dengan awalan ini. *A Comprehensive Indonesian-English Dictionary* (1981, susunan Alan M. Stevens & A.Ed. Schimitgall-Tellings) juga tidak lupa menyenaraikan kata terbitan yang bermula dengan awalan ini:

Awalan ini memang kini tidak diakui sebagai bentuk kata bahasa Melayu standard. Ternyata bentuk awalan *nge-* ini merupakan hasil pengaruh dari bahasa suku bangsa yang dinamakan “bahasa daerah” di Indonesia, khususnya bahasa bahasa Sunda (Jawa Barat).

Dalam catatan yang diperkenalkan pada Rajah 13 pula dapat dilihat kata terbitan berawalan *nge-* atau *nge(N)-* yang mengandung bunyi nasal:

Tempatnya asyikkkk#Tenang #Ngegopi hilangin suntuk datang aja ke Mokka Coffee Cabana.., ... kumpulan para dewa dewi ... #Ngebakso #Ngecireng #Ngeroti #Ngemie #NgeNgopi #Nge'es –  
(<https://deskgram.net/explore/tags/ngengopi>)

**Rajah 13** Kata terbitan berawalan *nge-* dan *nge(N)-*

Dalam percakapan sehari-hari terdapat banyak contoh kata terbitan yang memperlihatkan dua jenis struktur seperti berikut:

(i) *nge-* + kata dasar: *ngebakso* (< bakso), *ngecireng* (< cireng), *ngelihat* (< lihat), *ngemie* (< mie), *ngerokok* (< rokok), *ngerot* (< roti), *nge'es* (< es), dan *ngewajibkan* (< wajib + -kan)

(ii) *nge(N)-* + kata dasar: *ngembaca* (< baca), *ngembakso* (< bakso), *ngengopi* (< kopi), *ngenyapu* (< sapu), dan *ngenuulis* (< tuli).

Kelahiran awalan *mene-* dan *penge-* barangkali dapat ditelusuri kepada awalan *nge-* atau *nge(N)-* yang terdapat dalam contoh di atas:

kata *mem-bom* (< bom) = *ngembom* > *ngebom* > *me-ngebom* = *mene-bom*.

Maksudnya, awalan *nge-* atau *nge(N)-* yang terdapat dalam bahasa Sunda menghasilkan kata terbitan *ngembom* atau *ngebom* yang sama maknanya dengan bahasa standard *membom*. Pada peringkat ini kedua-dua bentuk kata terbitan ini disalahertikan lalu ditokok tambah awalan *me-* hingga melahirkan bentuk *menebom*. Begitu juga dengan kata terbitan *pengebom* dan *pengeboman* yang kini dianggap sebagai bentuk standard.

[14] 10 November '45: mengapa Inggris **membom** Surabaya? : analisis latar belakang agresi militer Inggris.

(19 Feb 2019. <https://search.library.wisc.edu/catalog/ocm48500927>)

[15] Giliran ada yang **ngembom**, ada korban, bilang pengalihan isu. GOBLOG kan?


(19 Feb 2019. <https://www.google.com/search?source=hp&ei=>)

[16] Teknik '**ngebom**' merupakan salah satu strategi marketing untuk menaikkan nilai pasar film di mata publik.

(15 Okt 2018. <https://www.wowkren.com/berita/tampil/00228070.html>)

[17] Tindakan seorang lelaki menyimpan beberapa alat disyaki digunakan untuk aktiviti **menebom** ikan mengundang padah ...

(1 Nov 2018. <https://www.bharian.com.my/.../lelaki-simpan-alat-menebom-ikan>)

**Rajah 14**Awalan *menge-*

Penambahan unsur *me-* ini pada awalan *nge-* ternyata berlebihan kerana fungsi *nge-* berpadanan dengan fungsi awalan *me-* dalam bahasa Melayu standard. Awalan *menge-* yang kini digunakan sebagai bentuk standard ini sepatutnya diasingkan dari sistem awalan dalam Jadual 1. Begitu juga dengan awalan *penge-* dan apitan *penge-/an* telah tercipta berdasarkan proses yang sama.

## BIBLIOGRAFI

- Stevens, Allan M. & Schimitgall-Tellings, A.Ed., (1981) *A Comprehensive Indonesian-English Dictionary*. Athens: Ohio University Press.
- Badings, A.H.L., (1913) *Maleisch Woordenboek*. Zwolle: W.E.J. Tjeenk Willink.
- Hollander, J.J. de, (1882) *Handleiding tot de Beoefening der Maleische Taal en Letterkunde*. 5de verbeterde druk. Breda: Broese & Comp. voor Koninklijke Militaire Academie.
- Koizumi, Tamotsu (小泉保) (1996) 『音声学入門』 (*An Introduction to Phonetics*). Tokyo: Daigakushorin.
- Poerwadarminta, W.J.S., (1952) *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Tjetakan ke-2. Djakarta: Balai Pustaka.
- Poerwadarminta, W.J.S., (1961) *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Tjetakan ke-3. Djakarta: Balai Pustaka.
- Sato, Hirobumi @ Rahmat, (2015) “Hipotesis Bunyi Palatalisasi [n<sup>h</sup>] dan Bunyi Belakang-Gusi [ŋ] dalam Bahasa Melayu: penjelasan fonetik akustik”,

dlm. *Jurnal Bahasa* 15:2, hlm. 267-290. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sato, Hirobumi @ Rahmat & Manavavee Mamah, (2018) “Vokal Beraspirat dan Konsonan Bergeminesi *h* [Hh] ~ [H ] dalam Proses Penerbitan Kata Bahasa Melayu”, dlm. *Jurnal Bahasa* 18:1, hlm. 122-158. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sidang editor Dewan Bahasa dan Pustaka, (1984) *Kamus Bahasa Malaysia (edisi pelajar)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sutan Mohammad Zain, (sekitar 1954) *Kamus Moderen Bahasa Indonesia*. Djakarta: Grafica.

Uehara, Kunzo (上原訓蔵), (1944) 『最新マライ語時文指針』 (*Saishin Malai-go Jibun Shishin*). Tokyo: Obunsha.